

## **MAQĀṢID AL-SYARĪ‘AH DALAM PENAWARAN PRODUK TAKAFUL WANITA: KAJIAN DI PENGENDALI TAKAFUL TERPILIH DI MALAYSIA**

### ***Maqāṣid al-Sharī‘ah* in Offering Takaful Product for Women: A Study At Selected Takaful Operator in Malaysia**

**Nor Hanani Ahmad<sup>1</sup>**

**Asmak Ab Rahman<sup>2</sup>**

**Nuurshiraathal Firdaws Abd Rani<sup>3</sup>**

#### **ABSTRACT**

*Since 2005, takaful products have been getting attention and growing substantially due to people who are vulnerable to health risk, especially women. This is because takaful products being offered to women have assisted in managing their financial risks, critical illnesses, etc. This study uses a content analysis on six product disclosure sheets of takaful offered by four takaful operators. In addition, this researcher has also collected data through interviews with Shariah officers, product development officers, and takaful agents to understand the whole structure of*

---

<sup>1</sup> Master Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, hannani132@gmail.com

<sup>2</sup> Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, asmak@um.edu.my

<sup>3</sup> Master Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, nur\_firdaws@yahoo.com

*the product. The finding of this study shows that takaful products for women are in line with Maqāṣid al-Sharī‘ah.*

**Keywords:** *health risk, takaful product, women, Maqāṣid al-Sharī‘ah*

## PENDAHULUAN

Wanita memainkan peranan yang penting untuk kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Islam sangat memuliakan kedudukan golongan wanita sebagai anak, isteri dan ibu. Pada zaman dahulu, peranan wanita secara khususnya banyak dilihat dalam institusi kekeluargaan namun pada hari ini, wanita telah mula melibatkan diri dalam ekonomi negara. Peranan yang dipikul oleh mereka pada hari ini semakin besar dan berat menyebabkan kebarangkalian untuk terdedah dengan bahaya atau risiko adalah tinggi. Risiko yang dimaksudkan adalah risiko seperti kesihatan, jenayah, kemalangan, kematian dan lain-lain. Risiko-risiko ini perlu diminimakan bagi memelihara kemaslahatan wanita agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih baik. Penyelidik mendapati penyertaan produk-produk takaful wanita merupakan suatu instrumen pengurusan risiko yang berkesan.

Antara produk-produk takaful wanita yang dikenalpasti oleh penyelidik ialah Takaful Puteri dan Takaful Puteri Plus oleh Prudential BSN Takaful,<sup>4</sup> Ikhlas Wanita Elegance Takaful<sup>5</sup> dan IKHLASlink Lady Secure<sup>6</sup> oleh Takaful Ikhlas, Femina Khas oleh Etiqa Takaful,<sup>7</sup> Takafulink Wanita oleh MAA Takaful,<sup>8</sup> A-Plus VenuZ-I dan A-Plus VenuzExtra-I oleh AIA Public

---

<sup>4</sup> Prudential BSN Takaful, ‘Takaful Puteri,’ laman sesawang *Prudential BSN Takaful*, <https://www.prubsn.com.my/PruBSN/bm/Riders.jsp>, dicapai pada 17 April 2014.

<sup>5</sup> Takaful Ikhlas Berhad, ‘Helaian Keterangan Produk,’ laman sesawang *Takaful Ikhlas Berhad*, [http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas\\_wanita\\_elegance\\_takaful\\_pds.bm\\_jan2015.pdf](http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas_wanita_elegance_takaful_pds.bm_jan2015.pdf), dicapai pada 6 Januari 2015.

<sup>6</sup> Takaful Ikhlas Berhad, ‘Ikhlaslink Lady Secure Takaful Rider,’ laman sesawang *Takaful Ikhlas Berhad*, [http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas-rider/udr/bm/9a\\_IKHLASlink%20Lady%20Secure%20Takaful%20Rider\\_BM.pdf](http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas-rider/udr/bm/9a_IKHLASlink%20Lady%20Secure%20Takaful%20Rider_BM.pdf), di capai pada 6 Januari 2015.

<sup>7</sup> Takaful Etiqa Berhad, ‘Femina Special,’ laman sesawang *Etiqa Insurance & Takaful*, <http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/Products/Personal/Protection/Pages/Femina.aspx>, dicapai pada 16 April 2014.

<sup>8</sup> MAA Takaful, ‘Takafulink Wanita,’ laman sesawang *MAA Takaful*, [https://www.maatakaful.com.my/pdf/Takafulink\\_Wanita\\_Brochure\\_Eng.pdf](https://www.maatakaful.com.my/pdf/Takafulink_Wanita_Brochure_Eng.pdf), dicapai pada 15 April 2014.

Takaful<sup>9</sup> serta LiveLife Ladies dan LiveLife Ladies Plus oleh Sun Life Malaysia Takaful.<sup>10</sup> Produk takaful wanita ini menawarkan pelbagai manfaat perlindungan berkaitan wanita dalam satu pelan yang komprehensif seperti manfaat komplikasi kehamilan, manfaat kongenital bayi, manfaat penyakit khusus wanita dan sebagainya.

Dengan merujuk kepada penawaran manfaat-manfaat ini, penyelidik ingin menjalankan kajian lanjut sama ada manfaat-manfaat yang ditawarkan adalah mempunyai elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* ataupun tidak. Sehubungan itu, bagi mencapai objektif kajian ini penyelidik akan memfokuskan terhadap keistimewaan wanita dari perspektif agama, risiko-risiko kesihatan wanita dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam takaful. Penawaran produk takaful wanita perlulah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu *Maqāṣid al-Syarī'ah* dari aspek pemeliharaan *darūriyyāt al-khams* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ianya penting sebagai indikator utama dalam setiap penawaran produk yang dilaksanakan supaya kemaslahatan wanita dapat dipelihara secara menyeluruh.

## **PRODUK TAKAFUL WANITA DI SYARIKAT-SYARIKAT TERPILIH**

Empat daripada enam pengendali takaful yang menawarkan produk takaful khusus untuk wanita yang dipilih oleh penyelidik sebagai skop kajian iaitu Prudential BSN Takaful Berhad, Takaful Ikhlas Berhad, Etiqa Takaful Berhad dan MAA Takaful Berhad. Ia dipilih berdasarkan kepada prestasi mereka yang dilihat lebih menonjol berbanding dua pengendali takaful yang lain iaitu Sun Life Malaysia Berhad dan AIA Public Takaful Berhad. Nama khusus bagi produk takaful wanita berkenaan ialah Takaful Puteri dan Takaful Puteri Plus bagi Prudential BSN Takaful,<sup>11</sup> Ikhlas Wanita Elegance Takaful<sup>12</sup> dan IKHLASlink Lady Secure bagi Takaful Ikhlas, Femina Khas<sup>13</sup> bagi Etiqa Takaful dan Takafulink Wanita bagi MAA Takaful.<sup>14</sup>

<sup>9</sup> AIA Public Takaful Berhad, 'A Plus Venuz-i & A Plus Venuzextra-i,' laman sesawang *AIA Public Takaful Berhad*, <https://www.aia.com.my/en/our-products/critical-illness-protection/a-plus-venuz-i-and-a-plus-venuz-extra-i.tml>, dicapai pada 2 Mei 2014.

<sup>10</sup> Sun Life Malaysia Takaful, 'DMTM, Takaful Life Style PA Series,' laman sesawang *Sun Life Malaysia Takaful*, <https://www.sunlifemalaysia.com/page.asp?id=dmtm-30>, dicapai pada 27 Disember 2014.

<sup>11</sup> Prudential BSN Takaful, 'Takaful Puteri.'

<sup>12</sup> Takaful Ikhlas Berhad, 'Helaian Keterangan Produk.'

<sup>13</sup> Takaful Etiqa Berhad, 'Femina Special.'

<sup>14</sup> MAA Takaful, 'Takafulink Wanita.'

Pelan-pelan manfaat berkaitan wanita yang ditawarkan oleh keempat-empat pengendali takaful ini adalah sangat berdaya saing antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, apa yang membezakan antara mereka ialah manfaat-manfaat yang ditawarkan. Malahan, setiap produk yang ditawarkan akan sentiasa diperbaharui mengikut keperluan sasaran pasaran bagi memastikan kemaslahatan kaum wanita terpelihara. Di samping itu, pematuhan kepada garis panduan Syarak iaitu *Maqāṣid al-Syarī'ah* juga perlulah dititikberatkan oleh para pengendali takaful. Oleh yang demikian, kaum wanita yang ingin menyertai skim perlindungan takaful mempunyai pilihan dalam mendapatkan pelan takaful wanita patuh Syariah yang bersesuaian dengan portfolio diri mereka di samping menghargai keistimewaan sifat dan anugerah diri wanita melalui pengambilan produk takaful wanita.

### **KEISTIMEWAAN WANITA DIIKTIRAF DALAM ISLAM**

Keistimewaan wanita yang dianugerahkan mendapat pengiktirafan sangat tinggi dalam Islam. Islam mengangkat darjat wanita melalui layanan dan mengiktiraf hak wanita sebagai anak, isteri dan ibu. Peraturan berkaitan wanita juga menjadi sebahagian daripada peraturan yang ditetapkan dalam undang-undang keluarga Islam seperti perkahwinan, perceraian, harta, hubungan antara anak dan ibubapa.<sup>15</sup> Bahkan mereka diiktiraf sebagai sebahagian dari masyarakat<sup>16</sup> apabila menyumbang tenaga mendidik anak.<sup>17</sup> Wanita adalah insan yang istimewa yang merupakan tunjang kebahagiaan keluarga seterusnya mempengaruhi kesejahteraan hidup masyarakat. Semangat dalaman<sup>18</sup> yang dimiliki wanita menjadi sumber inspirasi dan semangat kepada keluarga dan masyarakat.<sup>19</sup>

Perlindungan khusus diberikan kepada wanita apabila agama Islam mendidik seorang lelaki harus menghormati ibu, saudara perempuan dan sebagainya. Pendedahan awal diterapkan kepada lelaki sebagai seorang yang

---

<sup>15</sup> Raihanah Abdullah, 'A Study of Islamic Family Law in Malaysia: A Select Bibliography,' *International Journal of Legal Information*, 35/3 (2007): 514.

<sup>16</sup> Muḥammad Tho'ah Sulaymān al-Qadhāh, *al-Wilāyah al-'Ammah li al-Mar'ah fi al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1998), 43.

<sup>17</sup> Hanan Ahmad Khimish, 'The Impact of Religion on Arab Women,' *International Journal of Business and Social Science*, 5/3 (2014): 135.

<sup>18</sup> Shannon Broderick, *The Historical and Modern-Day Role of A Women in Religion*, Final Paper E-297C, (California: Stanford University, 2005), 3.

<sup>19</sup> Pope John Paul II, 'The Dignity and Genius of Women,' dalam *A Publication of the Love and Responsibility Foundation* (New York: Cold Spring, 2003), 2.

sentiasa menjadi pelindung<sup>20</sup> dan penjaga<sup>21</sup> yang setia atau diistilahkan seorang suami sebagai pakaian bagi isterinya.<sup>22</sup>

Rasulullah SAW memuliakan wanita dengan penghormatan diberikan sebanyak tiga kali diikuti penghormatan kepada seorang ayah sebagaimana hadis tersebut:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال جاء رجل إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله، من أحق الناس بحسن صحابتي؟ قال أمك، قال ثم من؟ قال أمك، قال ثم من؟ قال أمك، قال ثم من، قال أبوك

“Dari Abu Hurayrah RA, beliau berkata, “Seseorang datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, ‘Wahai Rasulullah, kepada siapakah aku harus berbakti pertama kali?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu!’ Dan orang tersebut kembali bertanya, ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi?’ Beliau menjawab, ‘Ibumu.’ Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi,’ Nabi SAW menjawab, ‘Kemudian ayahmu.’”<sup>23</sup>

Pengulangan kata sebanyak tiga kali agar ibu yang harus diutamakan menjelaskan kemuliaan wanita sebagai seorang ibu diangkat dalam Islam kerana pengorbanan mereka menanggung beban mengandung selama sembilan bulan, menyusui sehingga umur dua tahun dan mendidik sehingga dewasa.<sup>24</sup> Fitrah wanita sebagai individu yang lemah lembut dan dikurniakan perasaan

<sup>20</sup> Raihanah Abdullah *et al.*, ‘Financial Support for Women Under Islamic Family Law in Bangladesh and Malaysia,’ *Asian Journal of Women’s Studies*, 21/4 (2015): 365.

<sup>21</sup> Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ *Jurnal Fiqh*, 8 (2011): 39.

<sup>22</sup> Zeenath Kausar, ‘Protection of the Rights of Women: Some Measures,’ dalam *Women’s Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action* (Selangor: Thinker’s Library Sdn. Bhd., 2007), 240.

<sup>23</sup> Al-Imām al-Ḥāfiz Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Barzidbah al-Bukhārī bī Isyrāf wā Murāja‘ah Fadḥīlah al-Syeikh Ṣālih bin ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad bin Ibrāhīm Āl al-Syeikh, ‘Ṣaḥīḥ al-Bukhārī al-Jāmi’ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasul Allah SAW wā Sunanihi wā Ayyāmihi,’ dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah Kitāb al-Ādab Bāb Man Aḥaqq al-Nās bi Ḥusni al-Ṣaḥabat* 5971 (Riyād: Dār al-Salām li al-Nasyar wa al-Tawzī‘, 194-256H), 506.

<sup>24</sup> Abdul Rahman al-Sheha, *Women in Islam & Refutation of Some Common Misconceptions* (Riyadh: Islamland, 1997), 53.

kasih sayang yang tinggi menjadikan mereka mampu untuk mengandungi, melahirkan, menyusu dan mendidik anak-anak dengan penuh sabar. Islam mengangkat darjat wanita sebagai pengasuh, pemberi ketenangan keluarga dan semangat dalaman kepada insan sekeliling mereka.<sup>25</sup>

Tambahan, hak sebagai wanita ditunjukkan dalam Islam melalui pelbagai peraturan yang ditetapkan seperti hak dalam perkahwinan<sup>26</sup> yang menitikberatkan perkara berkaitan pertunangan, perceraian<sup>27</sup> serta kewajipan mas kahwin untuk wanita<sup>28</sup> dengan menyediakan makanan, pakaian dan tempat tinggal.<sup>29</sup> Selain itu, hak poligami,<sup>30</sup> hak perceraian, dan harta juga telah ditetapkan Islam kepada wanita.<sup>31</sup> Sebagai contoh, apabila wanita bercerai, Islam telah menetapkan tempoh iddah tiga kali suci<sup>32</sup> dan wanita hamil sehingga melahirkan bayi.<sup>33</sup> Bahkan, isteri yang diceraikan tanpa ditetapkan

---

<sup>25</sup> Shannon Broderick, *The Historical and Modern-Day Role of A Women in Religion*, 5.

<sup>26</sup> Fatima Omerdic, Women in Islam, With Particular Reference To Bosnian Society dalam *Religious Perspectives Magazine for Religious and Human Rights* (World Conference on Religion and Peace (WCRP) Sarajevo, 2002),18; Hanan Ahmad Khimish, 'The Impact of Religion on Arab Women,' 135.

<sup>27</sup> Mohd Khairul Anuar Ismail, Raihanah Abdullah & Sharifah Nooraida Wan Hasan, 'Perlukah Wanita Dididik dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian,' *The Online Journal of Islamic Education*, 2/2 (2014): 85.

<sup>28</sup> Judith Romney Wegner, 'The Status of Women in Jewish and Islamic Marriage and Divorce Law,' *Harvard Woman's Law Journal*, 5 (1982): 10; Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mughnī*, ed. 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥman al-Turkī & 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalwī (Riyāḍ: Dār al-Ālam al-Kutub, 1997), 97; Abī al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardī al-Baṣrī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab Imām al-Shāfi'ī*, ed. 'Alī Muḥammad Mu'awwad & 'Adil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd (Lubnān: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1994), 390.

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wā Adillatuhu*, vol. 7 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984), 766.

<sup>30</sup> Seksyen 23, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303); Raihanah Abdullah, Silmi Abdullah & Nahid Ferdousi, 'The Fragile Status of A Muslim Wife: The Legal History of Polygamy in Malaysia,' *Journal of Family History*, 40/2 (2015): 136.

<sup>31</sup> Seksyen 45, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303); Raihanah Abdullah *et al.*, 'Financial Support for Women Under Islamic Family Law in Bangladesh and Malaysia,' 364.

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wā Adillatuhu*, vol. 7, 626.

<sup>33</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wā Adillatuhu*, vol. 7, 627.

mas kahwin turut diwajibkan oleh para suami memberikan harta mengikut kemampuan masing-masing sebagai tanda perlindungan Islam kepada wanita di saat memerlukan perlindungan<sup>34</sup> serta tidak berlaku pengabaian hak-hak wanita selepas bercerai.<sup>35</sup>

Selain itu, peraturan bertudung yang ditetapkan dalam Islam juga turut memberi implikasi positif apabila bertudung wanita tidak lagi dianggap sebagai simbol seks. Kewajipan bertudung bagi wanita Islam adalah sebagai menjaga kehormatan dan maruah wanita dari terdedah kepada fitnah atau perkara buruk.<sup>36</sup> Islam mengiktiraf wanita dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan dengan tujuan memberi perlindungan kepada wanita itu sendiri. Justeru itu, wanita yang begitu tinggi darjatnya dalam ajaran islam harus diberi penghargaan selayaknya melalui perlindungan khusus seperti perlindungan kesihatan, penjagaan fizikal, mental, kewangan bahkan juga penjagaan keturunan demi kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

## **PERLINDUNGAN KESIHATAN WANITA KINI**

Wanita kini menanggung kepelbagaian penyakit khususnya wanita Asia yang kebiasaannya menghadapi penyakit kronik yang melibatkan sakit kanser payudara, serviks, uterik, tiub fallopio, vulvax vagina dan ovari, tiroid serta jantung yang boleh menyebabkan berlakunya kematian. Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan wanita yang didaftarkan terlibat dengan kes kanser adalah 24, 246 (55.6%) adalah lebih tinggi berbanding penglibatan lelaki sebanyak 19,232 (44.4%). Kajian oleh Stanley P.L. Leong *et al.*, membuktikan wanita di negara Asia dan Barat adalah lebih terdedah kepada penyakit kanser payudara. Namun bagi kadar kematian bayi, wanita Asia telah menunjukkan jumlah kematian bayi yang lebih tinggi berbanding wanita Barat.<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> Ros Asmaniza Abdul Latif & Raihanah Abdullah, 'Mut'ah al-Ṭalāq: Jaminan Hak dan Perlindungan Wanita Selepas Perceraian,' *Jurnal Syariah*, 21/3 (2013): 345.

<sup>35</sup> Mohd Khairul Anuar Ismail, Raihanah Abdullah & Sharifah Nooraida Wan Hasan, 'Perlukah Wanita Dididik dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian,' 84.

<sup>36</sup> Hanan Ahmad Khimish, 'The Impact of Religion on Arab Women,' 138; lihat juga Rookhsana Aziz, 'Hijab- The Islamis Dress Code: Its Historical Development, Evidence from Sacred Sources and Views of Selected Muslim Scholars,' (Disertasi Sarjana Sastera dalam Pengajian Islam, Universiti Afrika Selatan, Afrika, 2010), 26.

<sup>37</sup> Stanley P.L Leong *et al.*, 'Is Breast Cancer the Same Disease in Asian and Western Countries?' *World Journal of Surgery*, 34 (2010): 2320.

Bukan itu sahaja, Nor Suhaila Shahril yang merupakan Pakar Perubatan dan Reumatologi menyatakan laporan hospital-hospital kerajaan pula menunjukkan punca kematian nombor satu di Malaysia adalah penyakit kardiovaskular. Ia merupakan satu dalam empat kematian wanita di Malaysia selain penyakit darah tinggi (Hipertensi) dan merokok.<sup>38</sup> Menurut beliau lagi, kebiasaan penyakit ini menyerang wanita khususnya wanita yang menjelang putus haid (*menapous*) akibat berkurangnya hormone estrogen yang dikatakan menjadi faktor pelindung penyakit ini.<sup>39</sup>

Kepelbagaian risiko penyakit yang dihadapi oleh wanita kini telah mempengaruhi kerajaan mengambil beberapa langkah bagi menghadapi situasi ini. Kerajaan menitikberatkan isu-isu kesihatan yang dihadapi oleh wanita kini melalui beberapa program, strategi, pelan dan perancangan yang holistik dan kreatif agar kesihatan wanita lebih terjamin.<sup>40</sup> Antara institusi yang terlibat adalah Kementerian kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang melaksanakan program “Kiss Goodbye To Breast Cancer (KGBC)<sup>41</sup> dan Dasar Wanita Negara (DWN) dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Institusi takaful secara khususnya turut memainkan peranan yang penting dalam penjagaan kesihatan wanita, di samping memberi persediaan kewangan kepada wanita jika berlaku sebarang musibah pada masa-masa akan datang. Pendedahan wanita dengan kepelbagaian jenis penyakit menunjukkan wanita seharusnya mempunyai persediaan perlindungan kesihatan kepada beberapa penyakit khusus. Persediaan ini penting kerana sesuatu penyakit itu akan memberi implikasi negatif kepada seseorang individu yang meghidapinya.

Dalam disiplin ilmu fiqh menyatakan, sakit merupakan keadaan bukan *tabi’i* berlaku kepada badan manusia yang akan menyebabkan gangguan kepada

---

<sup>38</sup> Nor Suhaila Shahril, ‘Menjauhi Penyakit Merbahaya di Kalangan Wanita: Penyakit Kardiovaskular di Kalangan Wanita,’ (Konvensyen Fiqh Medik 2.0 Wanita dan Kesihatan, Institusi Latihan DBKL, 18-19 April 2015).

<sup>39</sup> Nor Suhaila Shahril, ‘Menjauhi Penyakit Merbahaya di Kalangan Wanita: Penyakit Kardiovaskular di Kalangan Wanita.’

<sup>40</sup> Kementerian Pembangunan Wanita, *Keluarga dan Masyarakat, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita* (Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), 2015), 86-99.

<sup>41</sup> Kementerian Pembangunan Wanita, *Keluarga dan Masyarakat, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, 161.



aktiviti yang biasa dilakukan.<sup>42</sup> Pandangan pakar perubatan juga menyatakan sakit kebiasaannya memberi kesan perubahan kepada deria, keselesaan, kemampuan, perasaan dan mempengaruhi hubungan sosial pesakit.<sup>43</sup> Justeru, wanita yang berwibawa harus mengambil langkah bijak dengan membuat persediaan dalam segala bentuk khususnya persediaan kewangan dan perlindungan kesihatan. Bahkan, penjagaan kesihatan merupakan salah satu tindakan yang menepati *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam penjagaan nyawa, keturunan, akal dan sebagainya.

Tambahan, peranan wanita yang memainkan peranan yang penting kepada keluarga dan masyarakat iaitu sebagai anak, ibu dan isteri tidak terkecuali dari terdedah kepada risiko kesihatan. Wanita secara fitrahnya diciptakan bersifat lemah secara fizikalnya, beremosi dan sangat memerlukan perlindungan dan perhatian dari individu lain terutamanya semasa tempoh kesuburan, putus haid, hamil serta berumur.<sup>44</sup> Sehubungan itu, terdapat pengendali takaful yang telah mengambil langkah dalam menyelesaikan isu ini iaitu melalui penawaran produk takaful wanita bagi menjaga kemaslahatan wanita daripada terdedah kepada pelbagai bentuk risiko. Oleh yang demikian, penawaran produk takaful khusus untuk wanita dilihat dapat memberikan penghargaan kepada golongan ini melalui penawaran manfaat-manfaat perlindungan yang berteraskan elemen-elemen kemaslahatan wanita.

### **MAQĀṢID AL-SYARĪ'AH DALAM TAKAFUL**

Perlindungan risiko terhadap individu, keluarga dan masyarakat dari sebarang bentuk musibah seperti kemalangan diri, hilang upaya kekal, perubatan dan rawatan penyakit khusus wanita, komplikasi kehamilan dan lain-lain perlulah dititikberatkan oleh institusi takaful. Ini boleh dilihat dari maksud takaful iaitu saling menjamin, saling menjaga dan saling memelihara.<sup>45</sup> Sabda Rasulullah SAW:

حدثنا قتادة عن أنس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه

<sup>42</sup> Wizārah al-Awqāf wā al-Syu'un al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, vol. 36 (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wā al-Syu'un al-Islāmiyyah, 1988), 353.

<sup>43</sup> *Health and Illness in Community* (Italy: Oxford University Press, 2006), 45.

<sup>44</sup> Gwyn Kirk & Margo Okazawa-Rey, *Women's Lives Multicultural Perspectives*, ed. 3 (New York: McGraw Hill, 2004), 3.

<sup>45</sup> *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* (t.t.p.: Larus, t.t.), 1048.

“Daripada Anas, Rasulullah SAW telah bersabda: “*Sesungguhnya tidak boleh dianggap beriman seseorang itu sehingga ia mengasihi saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri.*”<sup>46</sup>

Daripada hadis di atas dapat difahami bahawa Islam amat menggalakkan amalan tolong menolong antara satu sama lain.

‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān turut menegaskan bahawa takaful merupakan satu pakatan di antara anggota masyarakat untuk saling menjamin dan saling membantu sama ada individu ataupun kumpulan, para pemimpin atau rakyat dengan melakukan tindakan yang baik seperti memelihara anak yatim dan mengharamkan tindakan yang buruk seperti amalan monopoli. Ia wujud dari hati yang ikhlas berasaskan aqidah Islam.<sup>47</sup> Justeru, takaful merupakan salah satu instrumen yang berperanan penting dalam menguruskan suatu risiko. Walau bagaimanapun, Islam telah meletakkan garis panduan Syarak yang perlu dipatuhi dalam setiap perkara seperti keperluan penerapan elemen *Maqāṣid al-Syarī‘ah* dalam penawaran produk takaful. Ia perlu dititikberatkan oleh institusi takaful supaya penciptaan suatu produk adalah bertepatan dengan Syariah agar kemaslahatan manusia terpelihara dan kemudahan dapat dijauhi.

Dari sudut bahasa, *Maqāṣid al-Syarī‘ah* merujuk kepada objektif Syariah atau undang-undang Islam. Terdapat ramai ulama’ silam dan kontemporari yang telah membincangkannya dari sudut istilah. Dari perspektif para ulama’ silam, mereka tidak memberikan definisi *Maqāṣid al-Syarī‘ah* secara jelas tetapi lebih tertumpu dari sudut hasil dan tujuan sepertimana penulisan dalam kitab al-Shātibī,<sup>48</sup> al-Ghazālī dan al-Amidī.<sup>49</sup> Mereka menyatakan bahawa tujuan pensyariatan hukum adalah menjaga kemaslahatan manusia dan menjauhi kemudahan. Al-Ghazālī turut menyatakan terdapat 5 aspek penting pemeliharaan (*ḍaruriyyāt al-khams*) iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka setiap perkara yang dapat memelihara kepada kelima-lima aspek ini

---

<sup>46</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Damshiq: Dār Ibn Kathīr, 2002), 13-14, Kitāb al-Īmān, Bāb min al-Īmān an-Yuḥibb li Akhīhi mā Yuhībb Linafsihi, no. hadis 7; Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1 (Qāhirah: Dār al-Rayyān, 1986), 73, Kitāb al-Īmān, Bāb Min al-Īmān an-Yuḥibb li Akhīhi mā Yuhībb Linafsihi, no. hadis 13.

<sup>47</sup> ‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān, *al-Takāful al-Ijtimā‘i fī al-Islām*, cet. ke-4 (Qāhirah: Dār al-Salām, 1983), 15.

<sup>48</sup> ‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān, *al-Takāful al-Ijtimā‘i fī al-Islām*, vol. 2, 8.

<sup>49</sup> ‘Alī Muḥammad al-Amidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 3 (Mamlakah ‘Arab Sa‘ūdī: Dār al-Ṣamī‘ī, 2003), 339.

merupakan kebaikan (*maṣlahah*) dan yang mengabaikannya adalah keburukan (*mafsadah*) serta menolak *mafsadah* juga dianggap sebagai *maṣlahah*.<sup>50</sup>

Selain itu, perbincangan yang dilakukan oleh para ulama' kontemporari pula bersifat lebih spesifik bagi memudahkan pemahaman orang ramai seperti Ibn 'Āshūr, 'Alāl al-Fāsī dan al-Raysūnī. Ibn 'Āshūr memberikan definisi *Maqāṣid al-Syarī'ah* secara umum<sup>51</sup> dan khusus.<sup>52</sup> Manakala, 'Alāl al-Fāsī<sup>53</sup> telah menggabungkan kedua-duanya bagi membentuk satu definisi khusus. Menurut Ahmad al-Raysuni, definisi *Maqāṣid al-Syarī'ah* secara umum ialah tujuan yang ditentukan oleh Syarak demi merealisasikan kemaslahatan para hamba Allah.<sup>54</sup>

Firman Allah SWT tentang *Maqāṣid al-Syarī'ah* ialah:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ  
وَلِيُنِزِلَ عَلَيْكُمْ رِزْقًا كَثِيرًا ۖ تَشْكُرُونَ

“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu supaya kamu bersyukur.”

(Surah al-Mā'idah, 5: 6)

Sehubungan itu penyelidik akan menjadikan pemeliharaan *ḍaruriyyāt al-khams* sebagai kerangka *maqāṣid* utama yang menjadi asas atau metode utama kepada penilaian produk-produk takaful wanita. Pemeliharaan *ḍaruriyyāt al-khams* menurut al-Ghazali,<sup>55</sup> Ibn al-Hajib dan al-Shatibi<sup>56</sup> merangkumi 5 aspek iaitu perlindungan agama (*dīn*), perlindungan nyawa (*nafs*), perlindungan

<sup>50</sup> 'Alī Muḥammad al-Amidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 2, 481-482.

<sup>51</sup> Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah lī Shaykh al-Islām al-Imām Akbar Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr*, vol. 3 ed. Muḥammad al-Ḥabīb Ibn al-Ḥawjah (Qaṭar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah, 2004), 165.

<sup>52</sup> Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah lī Shaykh al-Islām al-Imām Akbar Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr*, vol. 3, 402.

<sup>53</sup> 'Alāl al-Fāsī, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuha*, cet. ke-4 (Rabat: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993), 7.

<sup>54</sup> Ahmad al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid 'inda al-Imām al-Shāṭibī*, ed. ke-4 (Virginia: al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1995), 19.

<sup>55</sup> Ahmad al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid 'inda al-Imām al-Shāṭibī*, ed. ke-4 (Virginia: al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1995), 19.

<sup>56</sup> Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*, vol. 2 (Beirūt: Dār-al-Ma'rifah, 1996), 10.

intelekt ('*aql*), perlindungan keturunan (*ansab*) dan perlindungan kekayaan (*māl*). Al-Ghazali menyatakan pemeliharaan kelima-lima asas ini adalah amat penting bagi semua komuniti agama atau sistem undang-undang untuk memelihara kesejahteraan manusia.<sup>57</sup>

Islam melarang daripada melakukan sebarang perkara yang boleh mencemarkan agama seperti syirik, murtad dan sebagainya bagi memelihara kesucian agama. Pemeliharaan kehidupan atau keselamatan nyawa dan tubuh badan pula dapat dicapai dengan tidak melakukan tindakan yang boleh membahayakan nyawa sendiri ataupun individu lain seperti bunuh diri. Bagi pemeliharaan akal, Islam melarang sebarang tindakan yang boleh merosakkan fikiran ataupun kewarasan seseorang atau orang lain seperti pengambilan dan penjualan dadah, arak dan sebagainya. Di samping itu, Islam juga mementingkan pemeliharaan keturunan dan kehormatan diri dengan melarang daripada melakukan sebarang tindakan yang berbahaya kepada kanak-kanak sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti perbuatan zina, liwat dan sebagainya. Pemeliharaan harta pula ialah tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh menyebabkan bahaya, kemusnahan atau pembaziran harta seperti rompakan, riba, rasuah, dan sebagainya.<sup>58</sup>

Berdasarkan kepada *ḍarūrīyyāt al-khams* yang dijelaskan maka dapat disimpulkan bahawa konsep *Maqāsid al-Syarī'ah* (*ḍarūrīyyāt*) adalah amat penting untuk diserap dan diaplikasikan dalam pelaksanaan produk-produk takaful. Maka difahami bahawa *maṣlaḥah ḍarūrīyyah* merupakan *maṣlaḥah* yang paling utama dan menjadi asas kepada *ḥajīyyāt* dan *taḥsīniyyāt*<sup>59</sup> dalam menjaga kepentingan agama dan manusia di mana setiap perkara yang dapat memelihara kepada kelima-lima aspek ini merupakan kebaikan (*maṣlaḥah*) dan yang mengabaikannya adalah keburukan (*mafsadah*) serta menolak *mafsadah* juga dianggap sebagai *maṣlaḥah*.<sup>60</sup> Pengabaian *maṣlaḥah ḍarūrīyyah* akan menimbulkan kerugian yang nyata kepada kehidupan manusia.<sup>61</sup>

Dari aspek kesyumulan objektif penjagaan, Ibn 'Āshūr, al-Raysūnī<sup>62</sup> dan lain-lain telah membahagikan *Maqāsid al-Syarī'ah* kepada *maqāsid 'ammah*,

<sup>57</sup> Al-Ghazalī, Abū Ḥamid Muḥammad, *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, vol. 2, ed. Hamzah Zāhir Hafīz (Madinah: Jami'ah al-Islāmiyyah, t.t.), 483.

<sup>58</sup> Asmadi Mohamed Naim, *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*, ed. ke-2 (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008), 11.

<sup>59</sup> Asmadi Mohamed Naim, *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*, 16.

<sup>60</sup> Al-Ghazalī, Abū Ḥamid Muḥammad, *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, 481-482.

<sup>61</sup> Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*, 8.

<sup>62</sup> Aḥmad al-Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāsid 'inda al-Imām al-Shāṭibī*, 7-8.

*maqāṣid khaṣṣah* dan *maqāṣid juz'iyah*.<sup>63</sup> Ibn 'Āshūr mendefinisikan *maqāṣid 'ammah* sebagai objektif umum yang mengandungi maksud yang lebih mendalam disebalik suatu pensyariatian Syariah sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatian agar dapat mencapai kemaslahatan dan menjauhi kemudaratan.<sup>64</sup> *Maqāṣid khaṣṣah* pula matlamat khusus yang dimaksudkan oleh Syariat dalam mencapai keperluan manusia yang bermanfaat atau memelihara kepentingan awam manusia<sup>65</sup> seperti dalam bidang-bidang yang spesifik iaitu *maqāṣid* dalam penghukuman, muamalat, peraturan kekeluargaan dan lain-lain.<sup>66</sup> *Maqāṣid 'ammah* dan *maqāṣid khaṣṣah* merupakan tumpuan utama para *fuqahā'* namun kebanyakannya menggunakan istilah '*illah* dan hikmah'.<sup>67</sup>

Kesimpulannya, *Maqāṣid al-Syarī'ah* merupakan matlamat Syariah yang hendak dicapai di sebalik pensyariatian sesuatu hukum yang dicipta oleh Allah SWT<sup>68</sup> sama ada secara khusus atau umum bagi menjaga kemaslahatan manusia dan menjauhi kemudaratan di dunia dan di akhirat. Sehubungan itu, kemaslahatan manusia dapat dicapai melalui wasilah pemeliharaan terhadap kepentingan *darūrīyyāt al-khams*. Elemen inilah yang perlu diterapkan dalam penciptaan suatu produk takaful agar objektifnya tidak tersasar dari garis panduan Syarak.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode dokumentasi dan metode temu bual di empat buah pengendali takaful terpilih. Kaedah dokumentasi sebagai data primer dilakukan untuk mengenalpasti konsep wanita dari pelbagai perspektif agama yang mengiktiraf keistimewaan wanita, menjelaskan kepelbagaian jenis risiko kesihatan berkaitan wanita dan kerangka *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam takaful serta mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan produk takaful wanita

<sup>63</sup> Nu'mān Jughaim, *Turuq al-Kashf 'an Maqāṣid al-Shāri'* (Jordan: Dār al-Nafā'is, 2002), 26.

<sup>64</sup> Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah lī Shaykh al-Islām al-Imām Akbar Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr*, vol. 3, 165.

<sup>65</sup> Muḥammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah lī Shaykh al-Islām al-Imām Akbar Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr*, vol. 3, 402.

<sup>66</sup> Nu'mān Jughaim, *Turuq al-Kashf 'an Maqāṣid al-Shāri'*, 28.

<sup>67</sup> Asyraf Wajdī Dusukī dan Sa'īd Bouheraoua, 'The Framework of Maqāṣid al-Shari'ah (Objectives of the Shari'ah) and its Implications for Islamic Finance,' *Islamic and Civilisational Renewal*, 2/2 (2011), 12.

<sup>68</sup> Mahmood Zuḥdi Abd Majid, 'Maqāṣid al-Syarī'ah: Satu Pengenalan,' dalam *Maqāṣid al-Syarī'ah*, ed. Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz, ed. ke-1 (Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012), 1-6.

melalui risalah dan laman sesawang bagi mendapatkan maklumat tentang manfaat-manfaat yang ditawarkan dalam produk takaful wanita. Kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur sebagai data sekunder bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci secara bersemuka dengan para informan. Kaedah ini banyak membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat sama ada penawaran produk takaful wanita yang mempunyai kaitan dengan risiko kesihatan wanita, risiko kewangan dan lain-lain di samping mendapatkan kepastian sama ada wujud elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* ataupun tidak dalam produk takaful wanita. Kaedah temu bual ini juga membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat tambahan serta penerangan lanjut tentang produk-produk takaful wanita yang ditawarkan di keempat-empat pengendali takaful tersebut. Ia juga memastikan kebenaran maklumat yang diperolehi oleh penyelidik menerusi risalah dan laman sesawang para pengendali takaful.

Prosedur temu bual dimulakan dengan merekabentuk soalan dan berhubung dengan para informan melalui emel dan telefon bagi menetapkan temu janji. Para informan telah dipilih daripada kalangan agen, Pegawai Produk dan Pegawai Syariah yang telah dibahagikan kepada pengkodan 1 hingga 3 adalah pengendali A, 4 hingga 6 adalah pengendali B, 7 hingga 9 adalah pengendali C dan 10 hingga 12 adalah pengendali D. Anggaran masa temu bual adalah di antara 30 minit hingga 45 minit bagi setiap seorang informan dengan menggunakan alat rakaman suara.

Seterusnya, proses transkripsi rakaman temu bual dilakukan. Dalam menganalisis maklumat yang diperolehi daripada risalah, laman sesawang dan temu bual maka penyelidik telah menggunakan metode induktif dan deduktif. Antaranya penyelidik telah membuat kesimpulan khusus mengenai elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam produk takaful wanita dengan berpandukan kepada kerangka *maqāṣid darūriyyāt al-khams* melalui maklumat yang diperolehi daripada risalah, laman sesawang dan temu bual. Bagi memudahkan proses penganalisan kandungan, beberapa pengkodan dilakukan sebelum menetapkan beberapa tema berkaitan kajian. Sub tema dipecahkan kepada sejarah ringkas penawaran produk, kategori produk, had umur, manfaat yang ditawarkan, jumlah bayaran dan elemen yang dikaitkan dengan *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam produk takaful wanita iaitu perlindungan kemalangan dan hilang upaya kekal, perlindungan penyakit khusus wanita, komplikasi kehamilan serta perlindungan maruah wanita.

### **MAQĀṢID AL-SYARĪ'AH DALAM PRODUK TAKAFUL WANITA**

Secara umumnya, *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam takaful adalah di bawah *maqāṣid khaṣṣah* kerana ia berkait dengan satu disiplin ilmu yang khusus. Walau

bagaimanapun, *maqāṣid ammah* juga mempunyai kaitan dengan takaful dari aspek pemeliharaan *ḍarūrīyyāt al-khams*<sup>69</sup> Pemeliharaan *ḍarūrīyyāt al-khams* ini adalah diterima oleh semua komuniti agama seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazali.<sup>70</sup> Antara elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang diterapkan dalam produk takaful wanita ialah dari aspek *maqāṣid* nyawa, akal, harta, perlindungan kehormatan dan perlindungan hati nurani. Di bawah ini merupakan hasil analisis elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang didapati oleh penyelidik dalam produk takaful wanita:

### 1. Perlindungan Kematian dan Hilang Upaya Kekal

Amalan takaful melalui jaminan bersama dan saling membantu adalah berada di bawah rangka kerja *Maqāṣid al-Syarī'ah* iaitu dari aspek *maqāṣid* perlindungan harta. Contohnya, takaful memberikan perlindungan kepada peserta terhadap sebarang kejadian yang tidak diingini seperti perlindungan kematian dan hilang upaya kekal melalui sejumlah wang pampasan yang dikumpulkan dalam dana *tabarru'* hasil bantuan bersama dan perkongsian risiko di antara para peserta. Dengan wang tersebut, ia dapat meringankan beban kewangan peserta dan ahli keluarganya dalam meneruskan kehidupan. Ini dikukuhkan dengan petikan daripada temu bual bersama informan 1, 9 dan 12:

*“Macam kecederaan kemalangan lah. You hilang kat mana, you hilang setara mana dia punya serius nak hilang diri sebab kemalangan. hilang jari, hilang anggota badan, tu hilang jari. Jadi, disitu pun ada jadual-jadual yang kita keluarkan baik pulih jadikan itu sebagai basis ehsan.”*

*“Maknanya produk PA ni..wanita sekarang ramai yang berpendidikan tinggi and then ramai yang bekerja office, ramai yang bawa kereta. Orang kata ramai yang bekerjaya la. Kalau you tengok iklan pun memang dia kata untuk golongan ni kan. Golongan ni as you know kalau accident yang vulnerable yang paling gelabah..erm bukan gelabah la..laki kalau accident, accident laa kan..dia dia tak ni apa..tapi perempuan kalau*

<sup>69</sup> Asyraf Wajdi Dusuki dan Sa'īd Bouheraoua, 'The Framework of Maqāṣid al-Sharī'ah (Objectives of the Shari'ah) and its Implications for Islamic Finance,' 12.

<sup>70</sup> Al-Ghazali, Abū Ḥamid Muḥammad, *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*, 48; Abī Bakr al-'Arabī, *al-Maḥṣūl fī Uṣūl al-Fiqh* vol. 2 (Qāhirah: Dār al-Bayāriq, 1999), 483.

*accident I think you akan..dia akan keras tak tahu nak buat apa kan..jadi kita nak bagi protection yang lebih.”*

*“So, macam kita apa-apa jenis produk pun mesti based on satu ni punya..kita nak jaga nyawa kita sebagai wanita especially, sebab tu lah ada produk ni.”*

Melalui petikan ini, didapati bahawa perlindungan berkaitan kematian dan hilang upaya kekal adalah dapat memelihara *maqāsid* harta bagi kaum wanita kerana mereka merupakan golongan yang lemah dan mudah panik jika berlaku sebarang musibah. Walaubagaimanapun, manfaat kematian dan hilang upaya kekal merupakan perlindungan asas yang juga ditawarkan dalam produk takaful keluarga yang lain. Ianya manfaat asas yang melindungi para peserta lelaki dan juga wanita. Sebagai contoh, manfaat kematian dan hilang upaya kekal boleh dinikmati apabila berlaku kejadian yang tidak diingini disebabkan oleh kemalangan atau secara semulajadi serta ketika menaiki kenderaan awam atau menjadi mangsa kejadian jenayah.<sup>71</sup> Namun, pihak pengendali takaful tidak akan melindungi sebarang musibah yang berpunca daripada perkara-perkara yang bercanggah dengan Syariat Islam seperti kematian akibat minum arak bagi memelihara kemaslahatan akal agar tidak merosakkan kewarasan akal seseorang yang boleh membahayakan nyawa sendiri dan juga orang lain.

## **2. Pelindungan Penyakit Khusus Wanita**

Pelindungan penyakit khusus wanita yang ditawarkan oleh pengendali takaful adalah menepati *maqāsid* pemeliharaan nyawa, keturunan dan harta. Di peringkat global, penyakit kritikal wanita yang melibatkan kos rawatan yang tinggi ialah kanser, penyakit jantung dan kencing manis.<sup>72</sup> Tambahan, 54% wanita Asia menghidap kanser payu dara, kanser serviks dan kanser usus sehingga menyebabkan kematian.<sup>73</sup> Pelbagai usaha berkaitan kesihatan yang perlu dijalankan bagi mengurangkan risiko penyakit kronik wanita.<sup>74</sup> Di

<sup>71</sup> ‘Brosur IKHLAS Wanita Elegance Takaful,’ *Takaful Ikhlas Berhad*, 5.

<sup>72</sup> Jane L. Phillips & David Currow, ‘Cancer As a Chronic Disease,’ *Collegian: Journal of the Royal College of Nursing Australia*, 17/2 (2010): 47-50.

<sup>73</sup> Merel Kimman *et al.*, ‘The Burden of Cancer in Member Countries of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN),’ *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 13 (2012).

<sup>74</sup> Patricia M. Davidson *et al.*, ‘The Health of Women and Girls Determines the Health and Well-Being of Our Modern World: A White Paper From the International Council on Women’s Health Issues,’ *Health Care for Women International*, 32/10 (2011), 883.



Malaysia, statistik tiga kanser utama yang melibatkan wanita ialah kanser payudara 32%, kanser kolorektal 11.1% dan kanser serviks 9.3%.<sup>75</sup>

Justeru, melalui perlindungan ini ianya dapat menolak kemudaratan yang boleh mengancam kemaslahatan nyawa wanita melalui bantuan kewangan dari segi kos rawatan seperti manfaat menjalani rawatan dan ubat-ubatan yang diperlukan sekiranya mereka disahkan menghidapi penyakit kritikal.<sup>76</sup> Ini kerana kos perubatan yang melibatkan penyakit khusus wanita adalah kebiasaannya melibatkan sejumlah wang yang sangat besar. Oleh yang demikian, instrumen tabungan takaful wanita dapat membantu peserta wanita dalam memperolehi manfaat kewangan yang lebih besar hasil daripada sumbangan dana *tabarru'* bersama para peserta yang lain. Ini dikukuhkan lagi dengan petikan temu bual bersama informan 1, 5 dan 10. Berikut merupakan petikan temu bual tersebut:

*“In realities, secara orang kata apa overall punya situasi dalam keadaan kita sekarang ni pun banyak..apa nama nya..cost of living kita pun makin meningkat..jadi, yang mana yang kita boleh control kita boleh control..mungkin perbelanjaan kita tapi benda yang tak boleh control..benda yang kalau kata Allah nak uji dengan keadaan sakit so tiba-tiba kos rawatan yang..yang kita tu mahal...”*

*“Bila kena stage 4 ka..nak kena buat kemo ataupun nak kena buang lump tu ka...kita tak ada duit kan..so, this is one of the benefit to have the coverage la...so, dia akan bayar cost of...”*

*“Yang keduanya adalah medical cost kita adalah tinggi kan..medication punya cost tu dah memang meningkat.”*

Tambahan pula, perlindungan terhadap penyakit khusus wanita seperti kanser rahim, ovari dan sebagainya dapat memelihara *maqāṣid* keturunan. Melalui pencegahan dan rawatan awal yang diterima oleh wanita dengan dana *tabarru'* takaful wanita maka risiko yang berkaitan dengan organ peranakan wanita dapat dikurangkan dan dalam masa yang sama meningkatkan peluang dalam mendapatkan keturunan. Ini berdasarkan kepada petikan temu bual dengan informan 1 dan 6:

<sup>75</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia, *Laporan Tahunan* (Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012), 80.

<sup>76</sup> Arif Fathillah Mohd Safar, ‘Analisis Terhadap Elemen *Maqāṣid al-Syariah* dalam Produk Takaful Ikhlas di Malaysia,’ (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011), 216.

“Kadar penyakit terutamanya breast cancer daripada kaum wanita tu sangat tinggi sekarang ni.so, erm..kita boleh bantu dari segi memberi satu bentuk keringanan dari segi kewangan dia la.”

“Why do you need takaful Puteri Plus? To protect against financial impact of expensive treatment in relation to female-related illnesses and as well as pregnancy, impact of the financial lah.”

“Risiko dia banyak terdedah dengan penyakit-penyakit especially kalau apa ni breast cancer tu memang memang statistik pun agak tinggi juga pada wanita. So, tu memang kita ambik kira faktor-faktor macam tu. So, kalau itu sebagai persediaan untuk kita sediakan produk ni.”

Justeru, perlindungan terhadap penyakit khusus wanita adalah memenuhi *Maqāṣid al-Syarī‘ah* dari aspek pemeliharaan nyawa, keturunan dan harta. Melalui dana *tabarru’* yang disumbangkan oleh para peserta ia dapat membantu dari segi meringankan bebanan kos rawatan serta ubat-ubatan yang perlu ditanggung bagi penyakit khusus wanita di samping menjaga kemaslahatan nyawa dan keturunan hasil daripada rawatan perubatan yang diterima.

### 3. Perlindungan Terhadap Komplikasi Kehamilan

Di Malaysia, kadar kematian ibu bersalin ialah 25.2 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup.<sup>77</sup> Di samping itu, terdapat juga wanita yang berisiko menghadapi komplikasi kehamilan seperti kehamilan luar rahim, keguguran kencing manis semasa hamil (*diabetis gestasi*)<sup>78</sup> dan sebagainya. Oleh itu, penglibatan kakitangan kesihatan mahir terutamanya bagi wanita di kawasan pedalaman dan luar bandar perlu ditingkatkan bagi mengurangkan kadar kematian ibu<sup>79</sup> yang boleh memberikan kesan kepada kesihatan, pendidikan, pemakanan dan status ekonomi anak-anak yang ditinggalkan. Selain itu,

<sup>77</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015), 14.

<sup>78</sup> Penulis tidak diketahui, ‘Komplikasi Kelahiran,’ laman sesawang *Baby Center*, <http://www.babycenter.com.my/c1052771/komplikasi-kehamilan>, dicapai pada 7 Februari 2015.

<sup>79</sup> Patricia M. Davidson *et al.*, ‘The Health of Women and Girls Determines the Health and Well-Being of Our Modern World: A White Paper From the International Council on Women’s Health Issues,’ 878.

khidmat kesihatan sebelum kehamilan juga perlu dititikberatkan bagi mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti ibu dan perinatal.<sup>80</sup>

Justeru, antara langkah yang diambil oleh pihak pengendali takaful dalam membantu golongan wanita ialah perlindungan terhadap komplikasi kehamilan. Wanita harus memikirkan keadaan diri mereka yang akan berhadapan dengan kehamilan, kelahiran, menstruasi dan menopause yang memerlukan penjagaan yang terapi.<sup>81</sup> Di antara manfaat komplikasi kehamilan yang ditawarkan ialah kehamilan luar rahim, kematian janin, keguguran pada hujung kehamilan dan lain-lain.<sup>82</sup> Melalui perlindungan ini, *maṣlahah* dalam aspek menjaga keturunan iaitu bayi dapat dipelihara kerana dapat menolak kemudaratan yang boleh menjejaskan proses kelahiran yang amat penting dalam menjamin kesinambungan keturunan seperti kehamilan luar rahim. Di samping itu, perlindungan ini juga menepati *maqāsid* nyawa ibu sekiranya berlaku sebarang keguguran atau kematian bayi serta lain-lain kejadian yang memang tidak dapat dielakkan.<sup>83</sup>

Keselamatan nyawa ibu dan bayi dapat dipelihara dari aspek pampasan kos rawatan pembedahan yang dilindungi oleh pihak pengendali takaful. Ini kerana tidak semua wanita berkemampuan untuk membayar kos rawatan bagi komplikasi kehamilan kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Justeru, melalui manfaat komplikasi kehamilan yang ditawarkan dalam produk takaful wanita ianya dapat meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh peserta. Ini dikukuhkan dengan petikan temu bual bersama informan 1 dan 5 yang dijalankan:

*“Komplikasi bersalin..orang tak..semua tak nak..semua tak nak berlakunya masalah pendarahan dalam perut semua..semua tak nak..apa nama ni..ada masalah la dalam kandungan..benda yang orang kalau boleh cuba nak elakkan ..ok, tapi dengan adanya permintaan sebegitu kita buat satu plan”*

*“So andai kata dia berlakunya after 7 months of pregnancy, ni2 dia ada komplikasi bersalin lah, 1, 2, 2 komplikasi bersalin kemudian dia ada late miscarriage kematian dalam kandungan, kematian kepada bila lahir kan, foetus ni dalam perut, death of child bila dah lahir. Kemudian bawah pulak ada, kalau andai*

<sup>80</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia, *Laporan Tahunan*, 111.

<sup>81</sup> Agnes Miles, ‘The Experience of Sickness,’ dalam *Women, Health and Medicine* (Philadelphia: Open University Press, 1991), 59.

<sup>82</sup> ‘Brosur Takaful Puteri’, *Prudential BSN Takaful Berhad*.

<sup>83</sup> ‘Brosur Takaful Puteri’, *Prudential BSN Takaful Berhad*, 217.

*kata berlakunya anak jadi down syndrome, semua ni membantu dari segi nilah backup kepada tu”*

*“Orang akan ambik manfaat kehamilan sebab kita tak tahu.. kita rasa kita pregnant okey..kita bersalin based due date ada komplikasi.. kita tak tahu..so, kita ambik...”*

*“Yang ni kalau you kena penyakit kongenital bayi kan kita akan bayar 30% sahaja so the rest lagi 70% tu you boleh claim untuk yang lain-lain.”*

Manfaat komplikasi kehamilan yang ditawarkan dapat menjaga kemaslahatan nyawa ibu dan anak dengan perlindungan sekiranya berlaku penyebaran penggumpalan intravaskular, kehamilan ektopik, kandungan molar, lahir mati, kecacatan ventrikel septum dan penyakit kongenital bayi yang dikaitkan dengan sindrom down dan sebagainya.

#### 4. Perlindungan Kejadian Jenayah Berkaitan Wanita

Perlindungan maruah manusia melalui takaful adalah penting atas dasar menghormati hak-hak dan kewajipan peserta berpandukan kepada matlamat dan objektif Syariah. Dari perspektif undang-undang, maruah manusia berkait rapat dengan pencabulan diri seseorang, pengiktirafan terhadap hak-hak dan kewajipan serta menjamin kelakuan yang selamat oleh orang lain termasuk masyarakat dan negara.<sup>84</sup> Dalam ayat al-Quran:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَجَعَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

*“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak cucu Adam... dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna di atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”*

(Surah al-Isrā', 17: 70)

<sup>84</sup> Mohamad Hashim Kamali, 'Human Dignity in Islam' (Kertas Persidangan, International Conference on Pathways of Human Dignity: From Cultural Tradition to A New Paradigm, Europe Science Foundation (ESF) dan Linkopeng University, Vadstenna, Sweden, 1 November 2007), 1.

Daripada ayat di atas dapat difahami, perlindungan maruah manusia adalah amat penting dalam kehidupan manusia khususnya bagi melindungi kehormatan yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepada individu.

Di Malaysia, isu keganasan yang melibatkan maruah wanita ialah kes keganasan rumah tangga, gangguan seksual dan rogol. Dalam statistik JKM berkenaan kes keganasan rumahtangga yang melibatkan wanita pada tahun 2014 adalah 696 kes.<sup>85</sup> Justeru, sebarang perlakuan buruk seperti keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, penderaan kanak-kanak, pencabulan dan gangguan seksual hendaklah dilindungi dengan takaful.<sup>86</sup> Terdapat pengendali takaful yang menawarkan sejumlah wang pampasan bagi menampung kos guaman atau aduan yang dilakukan oleh wanita berkaitan jenayah yang dialaminya.<sup>87</sup> Dengan bantuan kos tersebut ia dapat menjaga maruah wanita tersebut di samping dapat meringankan beban dari sudut kewangan. Ini disokong oleh petikan temu bual yang dijalankan bersama informan 5:

*“Haa contoh yang ni kan kita bagi, company lain mungkin ada mungkin tak ada. Contoh: Rogol. Perempuan ni dia dah beli tetiba kena rogol. Kita memang bayar tapi setakat RM 1000.. macam tak berbaloi tapi duit ni RM 1000 you boleh bila you nak appoint peguam ni you kena bayar fees, bukan sesuka je kan. So, duit ni sebenarnya membantu sahaja.”*

Manfaat perlindungan maruah bagi kaum wanita belum ditawarkan secara menyeluruh oleh para pengendali takaful. Ini kerana hanya terdapat beberapa pengendali takaful sahaja yang menawarkan perlindungan berkaitan *maqāṣid* perlindungan maruah seperti manfaat ragut, gangguan seksual, penceraiian secara paksa dan lain-lain.<sup>88</sup> Justeru, manfaat berkaitan perlindungan maruah wanita perlu diperluaskan lagi oleh para pengendali takaful agar kemaslahatan kaum wanita adalah terpelihara dari semua aspek kehidupan.

<sup>85</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Laporan-Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat* (Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014), 27.

<sup>86</sup> Syahida, ‘Takaful from a Maqasid al-Shariah Perspective,’ *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 4/2 (2012): 170.

<sup>87</sup> ‘Brosur IKHLAS Wanita Elegance Takaful,’ *Takaful Ikhlas Berhad*, 5-6.

<sup>88</sup> ‘Brosur IKHLAS Wanita Elegance Takaful,’ *Takaful Ikhlas Berhad*, 5-6.

Jadual 1: Elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam Produk Takaful Wanita

Nama Produk	Manfaat-manfaat	Elemen <i>Maqāṣid al-Syarī'ah</i>		
		Nyawa (maruah)	Keturunan	Harta
Takaful Puteri	Perlindungan khusus wanita penyakit	x	x	x
Takaful Puteri Plus	Manfaat kehamilan	x	x	x
	Perlindungan khusus wanita penyakit	x	x	x
Ikhlās Wanita Elegance Takaful	Perlindungan kemalangan dan hilang upaya kekal	x		x
	Manfaat kehamilan	x	x	x
	Perlindungan khusus wanita penyakit	x	x	x
	Perlindungan maruah	x		x
IKHLASlink Lady Secure	Manfaat kehamilan	x	x	x
	Perlindungan khusus wanita penyakit	x	x	x
	Perlindungan maruah	x		x
Femina Khas	Perlindungan kemalangan dan hilang upaya kekal	x		x
	Manfaat kehamilan	x	x	x
	Perlindungan khusus wanita penyakit	x	x	x
	Perlindungan maruah	x		x
Takafulink Wanita	Perlindungan kemalangan dan hilang upaya kekal	x		x
	Manfaat kehamilan	x	x	x
	Perlindungan khusus wanita penyakit	x	x	x

Sumber: Diolah berdasarkan kepada hasil temu bual penyelidik.

Daripada jadual di atas, didapati bahawa terdapat elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* dari aspek pemeliharaan nyawa, keturunan, harta dan maruah yang diterapkan dalam penciptaan produk-produk takaful wanita. Elemen ini merupakan asas utama dalam penciptaan suatu produk agar ianya bertepatan dengan prinsip-prinsip Syariah.

## KESIMPULAN

Inisiatif perlindungan dan penjagaan dari aspek kematian dan hilang upaya kekal, penyakit khusus wanita, komplikasi kehamilan dan jenayah berkaitan wanita yang disediakan oleh para pengendali takaful kepada para wanita telah menunjukkan keistimewaan peranan mereka. Namun, setiap penawaran manfaat yang disediakan oleh para pengendali takaful dalam produk takaful wanita perlulah memenuhi garis panduan Syariah agar dapat merealisasikan objektif Syariah dalam mencapai kemaslahatan dan mencegah kemudaratan ke atas kehidupan wanita. Sehubungan itu, berdasarkan kepada hasil analisis penyelidik mendapati bahawa penawaran produk takaful wanita adalah sememangnya memenuhi elemen-elemen *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang digariskan dalam Islam. Ini menunjukkan bahawa industri takaful telah melaksanakan satu usaha murni melalui penawaran produk takaful wanita yang menggabungkan kesemua manfaat berkaitan wanita dalam satu pelan yang komprehensif bagi memberikan perlindungan terhadap penjagaan *ḍarūrīyyāt al-khams* iaitu nyawa wanita dan bayi, menjaga keturunan iaitu bayi dan membantu dari segi kewangan yang melibatkan kos yang tinggi terhadap suatu rawatan khusus wanita serta memupuk semangat tanggungjawab sosial melalui dana *tabarru'* yang dikumpulkan.

## PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya kerana membiayai penyelidikan PG129-2015A, PO 073-2015A dan RP021A-15HNE.

## RUJUKAN

- ‘Abd Allāh Nāṣiḥ ‘Ulwān, *al-Takāful al-Ijtimā‘i fī al-Islām*, cet. ke-4 (Qāhirah: Dār al-Salām, 1983).
- ‘Alāl al-Fāsī, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuha*, cet. ke-4 (Rabat: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993).
- ‘Alī Muḥammad al-Amidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, vol. 3 (Mamlakah ‘Arab Sa‘ūdī: Dār al-Ṣamī‘ī, 2003).

- Abdul Rahman al-Sheha, *Women in Islam & Refutation of Some Common Misconceptions* (Riyadh: Islamland, 1997).
- Abī Bakr al-‘Arabī, *al-Maḥṣūl fī Uṣūl al-Fiqh* (Qāhīrah: Dār al-Bayāriq, 1999).
- Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardī al-Baṣrī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab Imām al-Shāfi‘ī*, ed. ‘Alī Muḥammad Mu’awwad & ‘Adil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd (Lubnān: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1994).
- Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mughnī*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥman al-Turkī & ‘Abd al-Fattāh Muḥammad al-Ḥalwī (Riyād: Dār al-‘Ālam al-Kutub, 1997).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Damshiq: Dār Ibn Kathīr, 2002).
- Agnes Miles, ‘The Experience of Sickness,’ dalam *Women, Health and Medicine* (Philadelphia: Open University Press, 1991).
- Aḥmad al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid ‘inda al-Imām al-Shāfi‘ī*, ed. ke-4 (Virginia: al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1995).
- Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārībi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 1 (Qāhīrah: Dār al-Rayyān, 1986).
- AIA Public Takaful Berhad, ‘A Plus Venuz-I & A Plus Venuzextra-i,’ laman sesawang *AIA Public Takaful Berhad*, <https://www.aia.com.my/en/our-products/critical-illness-protection/a-plus-venuz-i-and-a-plus-venuz-extra-i.tml>, dicapai pada 2 Mei 2014.
- Arif Fathillah Mohd Safar, “Analisis Terhadap Elemen Maqasid al-Syariah dalam Produk Takaful Ikhlas di Malaysia,” (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011).
- Asmadi Mohamed Naim, *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*, ed. ke-2 (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2008).
- Asyraf Wajdi Dusuki dan Sa’id Bouheraoua, “The Framework of Maqāṣid al-Shari‘ah (Objectives of the Shari‘ah) and its Implications for Islamic Finance”, *Islamic and Civilisational Renewal*, 2/2 (2011).
- ‘Brosur IKHLAS Wanita Elegance Takaful’, Takaful Ikhlas Berhad.
- ‘Brosur Takaful Puteri’, Prudential BSN Takaful Berhad.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, vol. 2, ed. Hamzah Zāhir Hafīz (Madinah: Jami‘ah al-Islāmiyyah, t.t.).
- Gwyn Kirk & Margo Okazawa-Rey, *Women’s Lives Multicultural Perspectives*, ed. 3 (New York: McGraw Hill, 2004).



- Hanan Ahmad Khimish, 'The Impact of Religion on Arab Women,' *International Journal of Business and Social Science*, 5/3 (2014).
- Health and Illness in Community* (Italy: Oxford University Press, 2006).
- Al-Imām al-Ḥāfiz Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Barzidbah al-Bukhārī bī Isyrāf wā Murāja'ah Fadhīlah al-Syeikh Šālih bin 'Abd al-'Azīz bin Muḥammad bin Ibrāhīm Āl al-Syeikh, 'Šaḥīḥ al-Bukhārī al-Jāmi' al-Musnad al-Šaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasul Allah SAW wā Sunanihi wā Ayyāmihi,' dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Šarīf al-Kutub al-Sittah* Kitāb al-Ādab Bāb Man Aḥaqqā al-Nās bi Ḥusni al-Šahabat 5971 (Riyād: Dār al-Salām li al-Nasyar wa al-Tawzī', 194-256H).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Laporan-Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat* (Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014).
- Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).
- Judith Romney Wegner, 'The Status of Women in Jewish and Islamic Marriage and Divorce Law,' *Harvad Woman's Law Journal*, 5 (1982).
- Kementerian Kesihatan Malaysia, *Laporan Tahunan* (Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012).
- Kementerian Pembangunan Wanita, *Keluarga dan Masyarakat, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita* (Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), 2015).
- MAA Takaful, 'Takafulink Wanita,' laman sesawang *MAA Takaful*, [https://www.maatakaful.com.my/pdf/Takafulink\\_Wanita\\_Brochure\\_Eng.pdf](https://www.maatakaful.com.my/pdf/Takafulink_Wanita_Brochure_Eng.pdf), dicapai pada 15 April 2014.
- Mahmood Zuḥdi Abd Majid, 'Maqāsid al-Syarī'ah: Satu Pengenalan,' dalam *Maqāsid al-Syarī'ah*, ed. Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz, ed. ke-1 (Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012).
- Merel Kimman *et al.*, 'The Burden of Cancer in Member Countries of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN),' *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 13 (2012).
- Mohamad Hashim Kamali, 'Human Dignity in Islam' (Kertas Persidangan, International Conference on Pathways of Human Dignity: From Cultural Tradition to A New Paradigm, Europe Science Foundation (ESF) dan Linkopeng University, Vadstena, Sweden, 1 November 2007).

- Mohd Khairul Anuar Ismail, Raihanah Abdullah & Sharifah Nooraida Wan Hasan, 'Perlukah Wanita Dididik dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian,' *The Online Journal of Islamic Education*, 2/2 (2014).
- Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* (t.t.p.: Larus, t.t.), 1048.
- Muhammad al-Ṭāhir bin 'Āshūr, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah lī Shaykh al-Islām al-Imām Akbar Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr*, vol. 3 ed. Muḥammad al-Ḥabīb Ibn al-Ḥawjah (Qaṭar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah, 2004).
- Muhammad Tho'ah Sulaymān al-Qadhāh, *al-Wilāyah al-'Ammah li al-Mar'ah fī al-Fiqh al-Islāmī* (Beirūt: Dār al-Nafā'is, 1998).
- Natasa Barolin-Pilsel, 'Women in The Catholic Church dalam Religius Perspectives Magazine for Religious and Human Rights,' (World Conference on Religion and Peace (WCRP) Sarajevo, 2002).
- Nor Suhaila Shahril, 'Menjauhi Penyakit Merbahaya di Kalangan Wanita: Penyakit Kardiovaskular di Kalangan Wanita,' (Konvensyen Fiqh Medik 2.0 Wanita dan Kesihatan, Institusi Latihan DBKL, 18-19 April 2015).
- Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari, 'Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,' *Jurnal Fiqh*, 8 (2011).
- Nu'mān Jughaim, *Turuq al-Kashf 'an Maqāṣid al-Shāri'* (Jordan: Dār al-Nafā'is, 2002).
- Patricia M. Davidson *et al.*, 'The Health of Women and Girls Determines the Health and Well-Being of Our Modern World: A White Paper From the International Council on Women's Health Issues,' *Health Care for Women International*, 32/10 (2011).
- Penulis tidak diketahui, 'Komplikasi Kelahiran,' laman sesawang *Baby Center*, <http://www.babycenter.com.my/c1052771/komplikasi-kehamilan>, dicapai pada 7 Februari 2015.
- Pope John Paul II, 'The Dignity and Genius of Women,' dalam *A Publication of the Love and Responsibility Foundation* (New York: Cold Spring, 2003).
- Prudential BSN Takaful, 'Takaful Puteri,' laman sesawang *Prudential BSN Takaful*, <https://www.prubsn.com.my/PruBSN/bm/Riders.jsp>, dicapai pada 17 April 2014.
- Raihanah Abdullah *et al.*, 'Financial Support for Women Under Islamic Family Law in Bangladesh and Malaysia,' *Asian Journal of Women's Studies*, 21/4 (2015): 365.
- Raihanah Abdullah, 'A Study of Islamic Family Law in Malaysia: A Select Bibliography,' *International Journal of Legal Information*, 35/3 (2007).

- Raihanah Abdullah, Silmi Abdullah & Nahid Ferdousi, 'The Fragile Status of A Muslim Wife: The Legal History of Polygamy in Malaysia,' *Journal of Family History*, 40/2 (2015).
- Rookhsana Aziz, 'Hijab- The Islamis Dress Code: Its Historical Development, Evidence from Sacred Sources and Views of Selected Muslim Scholars,' (Disertasi Sarjana Sastera dalam Pengajian Islam, Universiti Afrika Selatan, Afrika, 2010).
- Ros Asmaniza Abdul Latif & Raihanah Abdullah, 'Mut'ah al-Ṭalāq: Jaminan Hak dan Perlindungan Wanita Selepas Perceraian,' *Jurnal Syariah*, 21/3 (2013).
- Shannon Broderick, *The Historical and Modern-Day Role of A Women in Religion*, Final Paper E-297C (California: Stanford University, 2005).
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah* (Beirūt: Dār-al-Ma'rifah, 1996).
- Stanley P.L Leong *et al.*, 'Is Breast Cancer the Same Disease in Asian and Western Countries?' *World Journal of Surgery*, 34 (2010).
- Sun Life Malaysia Takaful, 'DMTM, Takaful Life Style PA Series,' laman sesawang *Sun Life Malaysia Takaful*, <https://www.sunlifemalaysia.com/page.asp?id=dmtm-30>, dicapai pada 27 Disember 2014.
- Syahida, 'Takaful from a Maqasid al-Shariah Perspective,' *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 4/2 (2012).
- Takaful Etiqa Berhad, 'Femina Special,' laman sesawang *Etiqa Insurance & Takaful*, <http://www.etiqa.com.my/English/Takaful/Products/Personal/Protection/Pages/Femina.aspx>, dicapai pada 16 April 2014.
- Takaful Ikhlas Berhad, 'Helaiian Keterangan Produk,' laman sesawang *Takaful Ikhlas Berhad*, [http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas\\_wanita\\_elegance\\_takaful\\_pds.bm\\_jan2015.pdf](http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas_wanita_elegance_takaful_pds.bm_jan2015.pdf), dicapai pada 6 Januari 2015.
- Takaful Ikhlas Berhad, 'Ikhlaslink Lady Secure Takaful Rider,' laman sesawang *Takaful Ikhlas Berhad*, [http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas-rider/udr/bm/9a\\_IKHLA\\_Slink%20Lady%20Secure\\_%20Takaful%20Rider\\_BM.pdf](http://www.takaful-ikhlas.com.my/sites/default/files/ikhlas-rider/udr/bm/9a_IKHLA_Slink%20Lady%20Secure_%20Takaful%20Rider_BM.pdf), di capai pada 6 Januari 2015.
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wā Adillatuhu*, vol. 7 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1984).
- Wizārah al-Awqāf wā al-Syu'un al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, vol. 36 (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wā al-Syu'un al-Islāmiyyah, 1988).

*Jurnal Syariah*, Jil. 25, Bil. 1 (2017) 23-50

Zeenath Kausar, 'Protection of the Rights of Women: Some Measures,' dalam *Women's Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action* (Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 2007).

### **Statut**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).